

12 IPTA tolak permohonan walaupun lima kredit SPM



LEPASAN SPM, Nur Syakirah Noorezli tidak mengalah dan mengharapkan berlakunya keajaiban untuknya menyambung pengajian ke IPTA meskipun 12 permohonannya menerusi UPUOnline gagal selain rayuannya turut ditolak.

Oleh NOOR HASLIZA (NUS) dan ISWAN SHAFIQ ISA | 17 Disember 2021 | 9:16 am



GEORGETOWN: Seorang pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 masih menaruh harapan melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) meskipun 12 permohonannya untuk mengikuti program pengajian gagal selain rayuannya turut ditolak.

Biarpun pasrah, namun Nur Syakirah Noorazli, 18, tetap setia menunggu dan mengharapkan berlakunya keajaiban untuk membolehkannya melangkah kaki ke menara gading suatu hari nanti.

Akui anak bongsu daripada empat beradik itu, dia bertekad menggenggam segulung ijazah demi mengejar cita-citanya sebagai seorang guru pendidikan awal kanak-kanak.

"Saya mahu mengikut jejak ibu, Roslimi Azali, 49, sebagai guru tadika dan inilah impian saya sejak kecil.